

Jangan atas angin

BM 15 DEC 1985

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan semua syarikat di negara ini supaya kembali kepada prinsip-prinsip asas perniagaan.

Beliau menasihatkan mereka agar tidak hanya memikirkan membuat untung 'atas angin' melalui kegiatan pasaran saham.

Pesanan itu ditujukan khasnya kepada Koperasi Usaha Bersatu Berhad (KUB) dan syarikat-syarikat lain di Malaysia amnya.

Menurut Perdana Menteri, apa juga langkah mendapat keuntungan segera tidak akan berjaya dalam keadaan ekonomi dunia yang meleset sekarang dan kalau berjaya sekalipun ia mungkin tidak kekal lama.

"Kita perlu mengamalkan

Oleh IBRAHIM YAHYA

asas urusan iaitu membeli murah dan menjual mahal, barulah mendapat keuntungan," katanya ketika merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ketujuh KUB di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Keuntungan banyak

Beliau menyesali amalan setengah orang yang mengeluarkan modal \$2 dan meminjam dari bank untuk menjalankan perniagaan, sambil menambah bahawa perniagaan seumpama itu bukan sahaja tidak kekal lama tetapi mungkin mengalami kerugian besar.

"Ada juga orang yang berpendapat membeli syarikat yang disenaraikan di Pasaran Saham Kuala Lumpur (PSKL) boleh mendatangkan keuntungan besar dengan menaik-

kan nilai saham itu melalui pelbagai cara dan menjualkannya semula.

"Pada pendapat mereka, kalau dapat membeli syarikat yang sahamnya diniagakan di PSKL, maka mereka akan mendapat keuntungan banyak dengan sekelip mata.

Sejajar dengan itu, beliau berharap lembaga pengarah KUB tidak berfikiran sedemikian, sebaliknya berusaha memikirkan rancangan berlandaskan prinsip asas perniagaan.

"Harapan itu adalah sebagai salah seorang pemegang saham KUB," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata syarikat yang memperoleh keuntungan melalui penjualan saham sebenarnya bukanlah syarikat yang untung pada hakikatnya. Untung melalui penjualan saham berbeza daripada melalui perniagaan sebenar.

"Mungkin orang yang memiliki saham syarikat itu mendapat keuntungan apabila menjual sahamnya tetapi bagi syarikat itu, ia tidak untung. Oleh kerana terlalu bergantung kepada urusan-urusan saham, apabila harga saham di pasaran merosot seperti sekarang, ramal yang menderita.

"Ada pula syarikat yang membeli syarikat lain yang disenaraikan di PSKL melalui pinjaman bank dan kemudian berusaha menaikkan nilai hartanya. Tetapi mereka perlu fikir modal yang mereka punyai adalah kecil. Mereka merasa seolah-olah kaya dengan pembelian syarikat itu, sebenarnya mereka kaya dengan hutang," katanya.

berniagaan